Islamic Theology
DIB 1143

KOLEJ ANTARABANGSA INOVATIF
INNOVATIVE
INTERNATIONAL COLLEGE

FACULTY OF
INTERNATIONAL STUDIES

KUFUR

Definisi

- Kufur menurut bahasa, bermaksud menutupi.

- Firman Allah:

اعْلَمُوا أَنَّمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا لَعِبٌ وَلَهْوٌ وَزِينَةٌ وَتَفَاخُرٌ بَيْنَكُمْ وَتَكَاثُرٌ فِي الْأَمْوَالِ وَالْأَوْلَادِ ۖ كَمَثَلِ غَيْثٍ أَعْجَبَ الْكُفَّارَ نَبَاتُهُ

"Ketahuilah, bahwa sesungguhnya kehidupan dunia ini hanyalah permainan dan suatu yang melalaikan, perhiasan dan bermegah-megah antara kamu serta berbangga-banggaan tentang banyaknya harta dan anak, seperti hujan yang tanam-tanamannya mengagumkan para petani;(QS. Al- Hadid:20).

- Perkataan "kuffar" pada ayat ini bermaksud 'para petani'. Mereka disebut "kuffar" kerana para petani adalah orang yang suka menutupi benih dengan tanah.

- Maksud kufur, menurut istilah adalah tidak beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, sama ada dengan mendustakannya atau tidak.

- Keingkaran atau kekufuran berlaku dengan hati seperti yang difirmankan oleh Allah S.W.T:

وَ مِنَ النَّاسِ مَن يَقُوْلُ آمَنَّا بِاللهِ وَ بِالْيَوْمِ الآخِرِ وَ مَا هُم بِمُؤْمِنِيْنَ

(8) Dan sebahagian dari manusia ada yang berkata : "Kami percaya kepada Allah dan Hari Akhirat", padahal tidaklah mereka itu orang orang yang beriman.

يُخَادِعُوْنَ اللهَ وَ الَّذِيْنَ آمَنُوْا وَ مَا يَخْدَعُوْنَ إِلاَّ أَنفُسَهُم وَ مَا يَشْعُرُوْنَ

(9) Hendak mereka coba memperdayakan Allah dan orangorang yang beriman, padahal tidaklah yang mereka perdayakan, kecuali diri mereka sendiri dan tidaklah mereka rasakan.

فِيْ قُلُوْبِهِم مَّرَضٌ فَزَادَهُمُ اللهُ مَرَضًا وَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيْمٌ بِمَا كَانُوْا يَكْذِبُوْنَ

(10) Di dalam hati mereka ada penyakit, maka menambahlah Allah akan penyakit (lain). Dan untuk mereka adalah azab yang pedih dari sebab mereka telah berdusta.

مَن كَفَرَ بِٱللَّهِ مِنۢ بَعۡدِ إِيمَٰنِهِۦٓ إِلَّا مَنۡ أُكۡرِهَ وَقَلۡبُهُۥ مُطۡمَئِنُّۢ بِٱلۡإِيمَٰنِ وَلَٰكِن مَّن شَرَحَ بِٱلۡكُفۡرِ صَدۡرٗا فَعَلَيۡهِمۡ غَضَبٞ مِّنَ ٱللَّهِ وَلَهُمۡ عَذَابٌ عَظِيمٞ

Barangsiapa yang kafir kepada Allah sesudah dia beriman (dia mendapat kemurkaan Allah), kecuali orang yang dipaksa kafir padahal hatinya tetap tenang dalam beriman (dia tidak berdosa), akan tetapi orang yang melapangkan dadanya untuk kekafiran, maka kemurkaan Allah menimpanya dan baginya azab yang besar.

Jenis-Jenis Kufur



Kufur Akbar

- Keingkaran secara sengaja terhadap apa yang dibawa oleh Rasulullah SAW melalui hati, perkataan dan perbuatan

- Seseorang itu berdosa besar dan terkeluar dari Islam malah **darahnya halal untuk dibunuh oleh pemerintah**. Tempat kembalinya di dalam neraka.

Kufur Akbar

1. Kufur *Takzib* (kekufuran akibat mendustakan)

Antaranya seperti seseorang yang berkeyakinan bahawa Nabi Muhammad itu berdusta, Al-Quran ciptaan Nabi Muhammad dan Al-Quran bukan asli lagi.

Dengan keyakinan begini maka boleh menjadi kafir kerana telah mendustakan wahyu Allah.

- 2. Kufur Iba' dan Istikbar iaitu kekufuran kerana enggan dan sombong, sedangkan dia mengakui kebenaran Islam

- Contohnya adalah seperti kekufuran iblis. Dia percaya bahawa Allah itu Maha Esa, tetapi tidak mahu tunduk kepada Allah kerana bersikap sombong.

- 3. *Kufur Syak* iaitu kekufuran kerana adanya keraguan.

- Sebagai contoh meragui al-Quran itu wahyu Allah atau ciptaan manusia, atau orang tersebut meragui adanya hari akhirat.

- Dengan keraguan ini menyebabkan seseorang terjerumus dalam kekufuran akbar.

- 4. Kufur *I'radh* iaitu kekufuran kerana berpaling
- Maksudnya berpaling dari agama Islam.
- Seseorang yang tidak mengambil tahu tentang agamanya. Tidak mempedulikan Islam. Tidak melakukan ibadah dan sebagainya.

- 5. Kufur *Nifaq* iaitu kekufuran akibat bersikap munafik

- Nifaq iailah dengan menampakkan keislaman secara zahir, tetapi menyembunyikan kekufuran di dalam hatinya.

Apakah maksud munafik?

Dari Segi Bahasa Orang yang **menyembunyikan perkara** atau **maksud sebenar.**

Dari Segi Syarak Seseorang yang **tidak menzahirkan kekufuran** dengan cara **menyembunyikan di dalam hati** dan pada masa yang sama **menzahirkan keimanan secara berpura-pura**

Munafik atau **Munāfiq** adalah perkataan yang berasal daripada bahasa Arab iaitu: **منافق** (jamak *munāfiqūn*)
Ia adalah kata nama dan *terminologi* dalam Islam yang merujuk kepada orang yang berpura-pura mengikuti ajaran agama namun sebenarnya tidak mengakuinya dalam hatinya

Kebiasaan orang munafik ini bersifat talam dua muka dengan berpura-pura mengikut segala ajaran Islam dan mengaku mereka ialah seorang Islam, tetapi di dalam hatinya tidak dapat menerima ajaran yang suci ini.

Ciri-Ciri Orang Munafik

Daripada Abu Hurairah RA bahawasanya Rasulullah SAW bersabda,
Tanda-tanda orang munafik ada tiga, iaitu apabila dia berbicara dia dusta, apabila dia berjanji tidak ditepati dan apabila diberi amanah dia khianati."
(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Antara ciri-ciri orang munafik adalah:

1.Iman Tidak Tetap dan Tidak Teguh
Orang yang sebegini dapatlah diibaratkan seperti lalang dimana ia terlalu mudah mengikut arah tiupan angin.
Orang yang tidak teguh imannya sentiasa berubah-ubah mengikut keadaan.
Mereka sangat mudah terikut-ikut dan terpengaruh dengan persekitaran.

2.Tindak-Tanduk Yang Sentiasa Berubah
Orang munafik bolehlah diibaratkan sebagai pelakon yang hebat.
Ketika dia bersama orang yang sedang beribadat, dia akan turut sama melakukan ibadat tersebut walaupun hatinya terlalu susah untuk menerimanya.
Sebaliknya yang terjadi apabila dia tidak dilihat oleh khalayak, dia akan mengikut kata hatinya dengan tidak melakukan amal ibadat.

3.Tidak Tetap Pendirian

Dia sentiasa mengubah pendiriannya.

Sewaktu bersama dengan orang mukmin lainnya, dia akan memuji-muji Islam dan menyatakan ketaatannya terhadap ajaran tersebut.

Tetapi dibelakang orang Mukmin, secara senyap dia akan menghina Islam.

Daripada Abu Hurairah R.A., Rasulullah S.A.W bersabda

Kamu akan mendapati manusia yang paling jahat iaitu yang memiliki dua wajah (munafik), yang datang pada segolongan dengan satu wajah, dan datang pada golongan lain dengan satu wajah."

Hadis riwayat al-Bukhari, Muslim, Tirmizi, Ibnu Hibban dan Ahmad

5.Jiwanya Tidak Tenteram
Dia akan sentiasa gelisah dan resah kerana terpaksa bersikap pura-pura di hadapan orang ramai dan tidak dapat melaksanakan kehendak hatinya.

6.Menjadikan Dunia Sebagai Matlamat Hidup
Mereka hanya menjadikan dunia sebagai tujuan utama dan terlalu cintakan kebendaan. Akhirat bagi orang munafik hanyalah satu mitos dan khayalan

Kesimpulan

Allah SWT berfirman:
Sesungguhnya orang yang munafik itu akan ditempatkan pada tingkatan yang paling bawah sekali dalam neraka
(Surah an-Nisa' ayat 145)Bayangkanlah betapa hinanya jika tergolong dalam golongan munafik kerana segalanya penuh dengan kepura-puraan.

Kufur Asghar

- Iaitu kekufuran yang menyebabkan dosa tetapi **tidak menjadikannya keluar dari Islam atau murtad.**

- Kufur nikmat dengan menggunakan nikmat yang Allah kurniakan dengan melakukan maksiat. Sebagaimana firman Allah SWT:

وَمَنْ شَكَرَ فَإِنَّمَا يَشْكُرُ لِنَفْسِهِ وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ رَبِّي غَنِيٌّ كَرِيمٌ

Dan barangsiapa yang bersyukur maka sesungguhnya dia bersyukur untuk (kebaikan) dirinya sendiri dan barangsiapa yang ingkar, maka sesungguhnya Tuhanku Maha Kaya lagi Maha Mulia".

- Membunuh seorang Muslim tanpa hak
- Mencela dan meratapi mayat

Terima kasih!